

Petani mohon keluhan didengar

Masalah perparitan, kerajaan negeri diminta ambil perhatian

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT - Kerajaan negeri diminta supaya mendengar keluhan golongan petani dan mengambil tindakan terhadap aduan permasalahan yang dihadapi mereka berhubung kelemahan sistem perparitan sehingga mengakibatkan kerugian apabila tanaman sayur ditenggelami setiap kali hujan lebat.

Seorang petani di Batu 6, Jalan Langat, Johan Setia, sempadan Kuala Langat, Rusianto Jupri, 42, berkata, golongan pekebun mengalami kerugian berlipat kali ganda dari segi kemusnahan tanaman dan kos menanam semula benih tanaman baru.

"Kebanyakan pekebun di sini mahu pihak kerajaan negeri korrek semula parit yang tersumbat agar air hujan dapat mengalir sempurna dan menyebabkan air melimpah sehingga menghanyutkan benih tanaman yang ditanam," katanya.

Hal berkenaan memberi tekanan kepada para pekebun sehingga meletakkan mereka berada dalam keadaan dilema apa yang harus dilakukan selain melakukan penanaman benih semula, katanya yang sudah 10 tahun meng-



RUSIANTO

usahakan lebih tiga ekar tanaman di sini.

"Saya harap pihak berkaitan dapat turun padang melihat keadaan masalah perparitan dan dapat dibetulkan supaya aktiviti penanaman sayur boleh dijalankan dengan selesa tanpa menjejaskan pendapatan petani," katanya.

Seorang lagi petani P.D.Sivakandhan, 33, berkata, kebun seluas 4,000 ekar miliknya, yang diusahakan sejak 15 tahun dahulu kini seperti berada dalam keadaan berjaga-jaga setiap kali musim hujan.

"Sebelum ini, pihak kementerian ada turun padang meninjau permasalahan kami, namun me-



SIVAKANDHAN

reka mendakwa kawasan tersebut bukan di bawah seliaan mereka. Bagaimanapun, mereka akan buat pemantauan dan minta kerjasama pihak berkenaan untuk membantu kami," katanya.

Sivakandhan berkata, merujuk kepada permasalahan yang dihadapi mereka, petani hanya meminta sistem perparitan di naik taraf supaya tidak membebankan mereka.

"Tidak kisah jika kemudahan lain tidak dipantau tetapi sistem perparitan perlu di ambil tindakan segera," katanya.

Sementara itu, Exco Kerajaan Negeri Selangor, Dr. Ahmad Yunus Hairi berkata, beliau simpati de-



Keadaan parit yang tersumbat.

ngan nasib pekebun di situ dan menganggap permohonan mereka sebenarnya tiada halangan buat kerajaan negeri untuk membantu.

Namun, katanya, beliau akan membuat kajian mengenai status tanah dan lokasi kawasan yang digazet untuk perhatian kerajaan

negeri.

"Jika ia di bawah kerajaan negeri, tiada masalah untuk dibantu dengan kadar segera. Selain itu, petani dinasihatkan segera maklumkan kepada kita jika mempunyai masalah berhubung sistem perparitan di bawah seliaan kerajaan negeri," katanya.